

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 3/1980**

=====

YUNIT PENGUAT KUASA

Soal-soal Penguatkuasa dan Pengawasan Undang-Undang dan peraturan tanah sentiasa berbangkit di mesyuarat-mesyuarat di mana tanah dibincangkan.

Pengawasan dari Pejabat Tanah adalah berkurangan, Pengawasan ini sangat mustahak kerana ia boleh menambah hasil jika dapat dikesan pelanggaran syarat dan sebagainya.

Satu daripada perkara-perkara yang membawa hasil yang banyak ialah memungkah bahan-bahan batu. Setakat ini cara menentukan berapa banyak (kuantiti) yang diambil ialah dengan bertanya kepada pelesen itu. Ini tiada disemak, oleh itu tidak memuaskan. Satu jalan yang boleh diambil ialah membandingkan banyak yang dipohon lesen dan banyak yang dipungkah supaya dapat dibetulkan bayaran yang dibuat oleh pelesen.

Tindakan yang pertama ialah menentukan tempat 'pecah batu', 'quarry' itu dan pelesennya. Kemudian bolehlah ditempatkan 2 kakitangan Unit Penguatkuasa disatu-satu tempat selama satu atau dua minggu dari 7.00 pagi hingga 5.00 bergilir-gilir untuk mencatat No. lori yang mengangkut keluar bahan-bahan batu itu dan berapa muatannya dan jumlah lori pada tiap-tiap hari supaya dapat ditentukan pengangkutan pada satu hari – Unit Penguatkuasa ini akan menyerahkan satu salinan catitan ini kepada Pemungut Hasil Tanah berkenaan supaya dapat menentukan bayaran sebenarnya. Satu salinan disimpan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian.

Unit Penguatkuasa ini akan melawat, mengawasi dan membuat catitan bagi tiap-tiap 'pecah batu', 'quarry'. Sebelum menjalankan tugas ini, Unit Penguatkuasa akan melaporkan diri kepada Pemungut Hasil Tanah berkenaan.

Bagi 'batu bata' memadailah Pemungut Hasil Tanah berkenaan melawat 'bakar batu' 'brick klin' itu dan menyemak Buku Invoicenyanya atau rekod-rekod yang lain untuk menentukan pengeluaran dan hasil sebenarnya. Jika ini tidak memuaskan Unit Penguatkuasa bolehlah diminta mengawasi dan menentukan beberapa banyak batu bata dikeluarkan seperti di atas.

Dimana-mana semakan dan pengawasan telah dijalankan maka didapati hasil bertambah berlipat ganda.

Pemungut Hasil Tanah – Pemungut Hasil Tanah diminta memberi kerjasama menentukan mana-mana satu 'pecah batu' yang patut disemak perjalanannya.

T.T
(Datuk Raja Brima Sulong B. Raja Rome)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor,
Shah Alam.
Tarikh : 7hb. Mac, 1980